



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI

Khamis, Januari 12, 2017

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

## BERITA »

### Dr. Zuriati menang dua anugerah di World Scientist Awards



**SEOUL, 4 Dis** - Pensyarah Jabatan Teknologi Komunikasi dan Rangkaian, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Zuriati Ahmad Zukarnain memenangi 'World Woman Science Grand Award' di 3rd World Scientist Awards (WSA) 2016 di Seoul, Korea Selatan.

Ia hasil sumbangan beliau dalam menghasilkan produk yang inovatif melalui penyelidikan yang dijalankan dalam bidang sains, seterusnya menghasilkan dan mengkomersilkan hasil inovasi beliau iaitu Quantum Communication Simulator (QuCS).

Beliau turut memenangi 'Innovative Inventor Grand Award' bagi 'Order of Merit: Information Technology' di 5th World Inventor Award Festival (WIAF) 2016 yang merupakan pengiktirafan terhadap produk penyelidikan yang kreatif, inovasi dan juga melibatkan pemindahan teknologi melalui produk beliau, QuCS.

Selain memenangi anugerah itu, beliau juga dilantik sebagai Professor Pelawat oleh Korea Invention Academy (KIA) bermula dari 4 Disember 2016. Pelantikan sebagai Profesor Pelawat itu adalah sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan beliau dalam bidang akademik, penyelidikan dan pembangunan, pengkomersilan, harta intelek dan inovasi antarabangsa.

World Scientist Awards 2016 dan World Inventor Award Festival 2016 dianjurkan oleh Korea Invention News (KINEWS) yang dinaungi oleh International Federation of Invention Association (IFIA) dan World Inventors Association (WIA).

Prof. Madya Dr Zuriati bersama kumpulan penyelidikannya iaitu pelajar PhD dari FSKTM UPM, Roszelinda Khalid turut menerima sijil, medal dan trofi pada majlis berkenaan yang disampaikan oleh Pengerusi, Presiden Suruhanjaya WIAF Korea Invention News (KINEWS), Soung-Mo Hong. Inovasi QuCS iaitu satu inisiatif untuk mendekatkan masyarakat berkaitan ilmu sains fizik dalam domain sains komputer khususnya Quantum Communication yang dikatakan sukar untuk difahami oleh semua golongan.



QuCS juga dapat menjimatkan kos penyediaan peralatan eksperimen Quantum Communication yang kosnya hampir RM1 juta. Hasil eksperimen Quantum Communication dengan menggunakan QuCS mampu menghasilkan keputusan yang efisien dan efektif. QuCS adalah aplikasi web berteraskan antara muka "drag and drop" yang menggunakan perkhidmatan awan iaitu, "Software as Services".

Prof Madya Dr Zuriati berkata kemenangan meraih dua anugerah itu merupakan satu pengiktirafan bahawa hasil inovasi penyelidik tempatan bukan sahaja memberi manfaat kepada Malaysia malah juga memberi sumbangan signifikan kepada masyarakat antarabangsa.

"Pengiktirafan ini membuka ruang dan peluang produk tempatan ke arena antarabangsa," katanya.

Menurut KINEWS, anugerah "World Woman Science Grand Award" adalah pengiktirafan tertinggi untuk mengiktiraf penyelidik wanita dunia dalam mengetengahkan hasil produk inovatif dan signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi, manakala anugerah "Innovative Inventor Grand Award bagi Order of Merit: Information Technology" adalah pengiktirafan tertinggi untuk mengiktiraf para penyelidik sebagai pereka cipta yang inovatif, sekali gus membuka ruang dan peluang dalam mengetengah dan mengkomersilkan produk mereka. - UPM

